

27 NOV 1998

MOKHTAR SELAR PIHAK YANG KUTUK PEMIMPIN

CHUKAI, 27 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata tindakan sesetengah golongan yang mengutuk dan mempersenda pemimpin mereka adalah bertengangan dengan ajaran Islam dan boleh membawa kepada kehancuran negara.

"Rakyat sepatutnya bersama-sama memainkan peranan untuk bergerak seiring bagi membangunkan negara ini," katanya.

Beliau berkata mereka seharusnya memberi sokongan yang padu kepada semua program pembangunan yang dibuat atau dirancang oleh kerajaan dan bukan mengancam kesetabilan negara.

Ketika berucap pada majlis pelancaran Gerakan Desa Wawasan (GDW) dan majlis berkhatan beramai-ramai di Kampung Pasir Gajah, di sini, Wan Mokhtar juga menyelar sesetengah pihak yang sanggup mengutuk kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang banyak berjasa kepada negara itu.

Mengenai GDW, Wan Mokhtar berkata ia bertujuan menyusun semula beberapa kampung yang dipilih dengan menyediakan kemudahan infrastruktur ke arah melahirkan masyarakat kampung yang harmoni.

"Selain itu, kita akan pastikan penduduk akan melaksanakan pelbagai program aktiviti ekonomi seperti pertanian dan ternakan untuk menambah hasil pendapatan mereka atau untuk dikomersilkan ke arah satu langkah untuk mengurangkan kadar kemiskinan," katanya.

-- BERNAMA

SU NMO